

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Ahad, 5 Julai 2020 5:01 ptg
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: EKSPLORASI MUZIUM PENGURUSAN UUM



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

5 JULAI 2020 / 13 ZULKAEDAH 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Ihsan Muzium Pengurusan UUM

EKSPLORASI MUZIUM PENGURUSAN UUM



UUM ONLINE: Muzium Pengurusan UUM menjadi platform terbaik kepada masyarakat untuk mengenal dengan lebih mendalam peradaban dan warisan sekali gus memartabatkan ilmu dan semangat cintakan sejarah.

Pengarah Muzium Pengurusan UUM, Dr. Mohd. Kasri Saidon berkata, muzium memainkan peranan penting memberi kesedaran kepada masyarakat untuk menghayati nilai sejarah dan mengenal warisan negara yang perlu dipertahankan bagi melahirkan generasi yang sayangkan negara.

“Pelawat yang berkunjung ke muzium disajikan dengan keunikan warisan, kepelbagaian budaya, cara hidup dan sejarah demi menyemai rasa sayang terhadap negara.

“Lawatan sambil belajar dapat meningkatkan kesedaran dan minat pengunjung terutamanya para pelajar untuk mengenali diri dan meneroka pengetahuan baharu yang menarik apabila mereka dapat melihat sendiri dan memahami apa yang dipamerkan di sini,” ujarnya.

Mengulas lanjut, penubuhan muzium ini berkonsepkan pengurusan yang mendokumentasi khazanah ilmu dan sejarah untuk generasi masa hadapan serta berfungsi sebagai pusat pengumpulan dan pemuliharaan bahan maklumat dan artifak.

“Muzium ini mengumpul dan mempamerkan artifak berkaitan pengurusan di Malaysia untuk tujuan pembelajaran dan pensejarahan selain menyediakan khidmat sokongan kepada pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dalam bidang pengurusan dan menjadi pusat rujukan,” tambahnya.

Jelasnya, melalui pameran pengunjung disajikan dengan pelbagai info dan menariknya, beberapa artifak eksklusif yang tidak dipamerkan di tempat lain ada di sini.

Pengunjung juga dapat menyaksikan perjuangan pihak pasukan keselamatan khususnya polis dan tentera dalam mempertahankan keamanan di bumi Sintok semasa era ancaman komunis.

“Muzium turut menyediakan Ruang Pameran Semasa dengan tema-tema tertentu antaranya tokoh sukan terulung di peringkat tanah air dan antarabangsa seperti Roshidi Shaari (Bola Sepak), Adnan Saidin (Sepak Takraw) dan Omar Saad (Lumba Basikal),” katanya.

Ujarnya, muzium akan dibuka kepada orang awam pada minggu hadapan dalam normal baharu mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh pihak universiti demi kesihatan dan keselamatan bersama.

Muzium juga menerima permohonan untuk melawat secara pemakluman awal iaitu sehari sebelum lawatan atau selewat-lewatnya dua jam sebelum lawatan.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.